



**AMANAT**  
**YANG BERUSAHA ENCIK MD RADZI BIN HASHIM**  
**SETIAUSAHA**  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP)**

**SEMPENA**  
**AMANAT TAHUN BAHARU 2022**  
**SETIAUSAHA**  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

**12 JANUARI (RABU) – 9.00 PAGI**  
**DEWAN SERBAGUNA, ARAS 1**  
**BLOK F9, KOMPLEKS F PUTRAJAYA**

**Terima kasih Saudara Pengacara Majlis**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi  
Maha Penyayang”**

**Yang Berusaha**

**Puan Khairiah Binti Ab Rashid**

**Timbalan Setiausaha (Pengambilan dan Perkhidmatan)**

**Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan**

**Yang Berusaha**

**Encik Ahmad Tarmizi bin Zakaria**

**Timbalan Setiausaha (Pengurusan)**

**Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan**

**Barisan**

**Setiausaha Bahagian Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan**

**Seterusnya**

**Tuan-tuan dan puan-puan, Warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan sekalian.**

## **KALIMAT PEMBUKA**

**(Pantun)**

***Gema Rebana Ikut Paluan,  
Indah Bunyinya Buat Memikat;  
Apa Khabar Tuan dan Puan,  
Diharap sihat dan bertambah berkat.***

**Insya-Allah...**

**A : ALUAN**

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

- 1. Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T atas izin dan limpah rahmatNya memberikan kita ruang untuk sama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan kepada tuan-tuan puan-puan atas kehadiran pada majlis kita pagi ini walaupun kita semua sibuk dengan urusan dan tanggungjawab harian di pejabat. Tidak dilupakan penghargaan kepada urus setia dan semua yang terlibat dalam penganjuran Majlis**

**Amanat Setiausaha 2022 dan Program Wacana Ilmu Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) ini. Walaupun semua sedia maklum perancangan majlis ini mengambil masa yang sangat terhad pelaksanaannya, namun urus setia dapat merealisasikan program ini dengan jayanya. Tahniah atas usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan.**

- 2. Rasanya masih belum terlambat bagi saya untuk menzahirkan ucapan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada tuan-tuan dan puan-puan. Tahun 2021 kita tinggalkan dengan pelbagai kenangan suka, duka, cabaran dan pengalaman. Namun, ini tidak sesekali mematahkan semangat kita iaitu Semangat Keluarga Malaysia. Yakinlah, seperti janji Allah SWT setiap kesukaran akan disertai kemudahan. Selepas mengharungi tahun 2020 yang amat sukar kerana penularan pandemik COVID-19, tahun 2021 diibaratkan seperti diberi nafas baharu dengan pengenalan Pelan Pemulihan Negara (PPN). Pelbagai inisiatif diambil oleh Kerajaan bukan sahaja untuk memastikan ekonomi terus rancak dijana tetapi kebajikan rakyat turut dipelihara**

**selain perancangan meningkatkan kadar vaksinasi negara turut diberi perhatian agar kejayaan PPN dapat dicapai.**

- 3. Meskipun berhadapan situasi sama sukar seperti tahun sebelumnya termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 pada 13 Januari 2021 dan PKP 3.0 pada 25 Mei 2021 serta catatan rekod tertinggi jangkitan COVID-19 harian sebanyak 24,599 kes serta 393 kematian pada 26 Ogos 2021, SPP berjaya serta konsisten dalam memastikan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan dipandu beberapa transformasi dalaman dan luaran.**

**Tahniah saya ucapkan kepada setiap Warga SPP yang cemerlang dalam menyempurnakan segala tugas serta peranan masing-masing meskipun dilingkari cabaran seperti kekangan disebabkan pandemik, mobilisasi sumber manusia, logistik dan migrasi kepada sistem serta amalan norma baharu, seterusnya, memastikan kehendak dan keperluan pelanggan serta pemegang taruh SPP dipenuhi.**

**4. Tatkala negara dilihat semakin pulih daripada penularan COVID-19, kita dikejutkan pula dengan situasi bencana alam yang disifatkan anantara yang terburuk dalam lembaran sejarah Negara. Banjir yang melanda Selangor, Lembah Kelang, Negeri Sembilan, Perak dan beberapa Negeri Pantai Timur pada penghujung tahun lalu memberi kesan trauma yang mendalam kepada mangsa. Bukan sahaja berdepan kemusnahan harta benda termasuk rumah dan kenderaan tetapi ada juga yang kehilangan ahli keluarga. Bagi Warga SPP, saya sendiri memantau dengan dekat permasalahan ini. Saya juga berpeluang untuk sama-sama turun padang bersama sukarelawan SPP serta menggunakan kudrat yang dianugerahkan bagi membantu Warga SPP yang terjejas. Sebagai Jabatan yang prihatin, SPP akan cuba sedaya upaya untuk membantu tuan-tuan dan puan-puan semampu mungkin.**

**5. Saya juga difahamkan selepas majlis amanat ini, kita akan teruskan acara dengan Program Wacana Ilmu SPP. Kali ini kita akan bersama-sama dengan Puan Aireen binti Shahuddin daripada Bahagian Perkhidmatan,**

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang akan menyampaikan wacana mengenai Pelaksanaan Dasar Pemisah atau juga dikenali sebagai *Exit Policy*. Program Wacana Ilmu merupakan inisiatif Unit Latihan SPP dalam memberi penerangan kepada Warga SPP berkenaan pelaksanaan dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan ini. Melalui pelaksanaan dasar ini, Kerajaan beriltizam untuk mengekalkan pegawai awam yang komited, meningkatkan daya saing dengan suasana dan cabaran yang berubah, mewujudkan perkhidmatan berprestasi tinggi dan mengguna pakai dasar yang ditetapkan.**

## **B : AMANAT TAHUN 2022**

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

- 6. Bermula pada tahun ini, Pengurusan SPP memperkasakan kembali Kod Etika SPP. Dikenali sebagai TEKAD, ia adalah akronim kepada Tegas, Efisyen, Keikhlasan, Amanah dan Dinamik. Perneriksaan kembali kod etika ini dilihat tepat memandangkan lebih kurang tujuh puluh peratus Warga SPP kini merupakan wajah baharu sama ada sebagai penempatan pertama, bertukar masuk atau naik pangkat**



**daripada Jabatan dan Agensi lain. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan ahli keluarga baharu SPP ini cuba untuk memahami dan mengamalkan kod etika ini kerana kini anda semua merupakan aset penting bagi SPP sebagai Badan Kuasa Melantik Perkhidmatan Pendidikan yang Dinamik, Efektif dan Berintegriti. Suka juga saya ingatkan, SPP kini merupakan keluarga baharu anda. Jangan malu jangan segan sekiranya perlukan tunjuk ajar daripada rakan sekerja yang sudah lama berkhidmat di sini. Saya percaya mereka akan sudi membantu.**

- 7. Berkisar berkenaan urusan pejabat, saya juga ingin maklumkan bahawa SPP akan terus melaksanakan kehadiran seratus peratus ke pejabat tahun ini. Bagaimanapun, Pengurusan Tertinggi memutuskan untuk turut meneruskan penggiliran tugas minimum selama enam jam di pejabat bagi semua Warga SPP sehingga satu masa diberi tahu kelak. Sehubungan itu mohon jasa baik setiausaha-setiausaha Bahagian memantau kehadiran anak buah masing-masing agar masa operasi dan produktiviti pejabat sentiasa berada pada kadar optimum. Bagi Warga SPP kelonggaran ini bukan bermakna anda**

**perlu hadir minimum enam jam setiap hari sahaja ke pejabat, tetapi ia bergantung kepada keperluan tugas. Bagi yang hadir enam jam ke pejabat ia bukan alasan untuk culas kerana baki masa yang ada hanya akan tamat mengikut waktu bertugas rasmi.**

**8. Amalan transformasi perlu diteruskan dalam tugas harian kita di pejabat. Mendepani penyampaian perkhidmatan pasca pandemik, sesungguhnya menuntut setiap daripada kita mengadaptasi amalan norma baharu. Cara kerja kini telah berubah sesuai dengan peredaran masa. Amalan yang dilihat relevan dua tahun lalu kini dilihat luput dan perlukan migrasi. Siapa sangka sebelum ini urusan dalam talian dapat diperluas bagi semua urusan penyampaian perkhidmatan. Jika dulu hanya mesyuarat dan perbincangan dibuat dalam talian, kini urusan teras SPP seperti pengurusan, pengambilan dan perkhidmatan kebanyakannya dibuat melalui dalam talian. Syabas kepada semua Warga SPP yang cepat menyahut norma baharu ini agar penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan pemegang taruh berjalan lancar. Pengenalan Aplikasi FIKIR juga disambut baik. Ia juga**

**merupakan transformasi komunikasi dalaman yang dilihat mudah dicapai dan dikawal selia. Kini semua cadangan penambahbaikan dan inovasi boleh dibuat dihujung jari.**

- 9. Penularan pandemik COVID-19 dilihat belum tamat. Saya ucapkan syabas kepada Warga SPP yang telah lengkap mendapatkan vaksinasi wajib. Usaha ini jika disulami bersama pematuhan SOP dan prosedur kesihatan semasa mungkin menjadi asbab kepada kejayaan kita menentang virus pembunuh ini. Menyedari penularan varian COVID-19 yang semakin banyak dan mengganas saya turut menggalakkan setiap Warga SPP mengambil dos penggalak. Walaupun ia masih di peringkat sukarela, ingat kita belum menang sepenuhnya. Apa sahaja langkah terbaik diperkenalkan Kerajaan kita sebagai penjawat awam harus sokong agar dapat memerangi pandemik ini.**

## **C : PENCAPAIAN TAHUN 2021**

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

- 10. Tahun 2021 baru sahaja melabuhkan tirainya selama dua minggu dengan pelbagai kenangan dan pengalaman.**

**Walaupun masih dibelengu penularan pandemik COVID-19, penyampaian perkhidmatan SPP seperti tidak terkesan dan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Syabas saya ucapkan kepada semua Warga SPP dalam memastikan keperluan dan kehendak pelanggan serta pemegang taruh dapat dipenuhi sebaiknya. Ini termasuk pelaksanaan Taklimat Pengenalan Urusan Temu Duga yang sebelum ini dijalankan secara bersemuka. Menyahut cabaran pasca pandemik, empat siri taklimat ini telah berlangsung dengan jaya seratus peratus secara dalam talian termasuk bersama Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam dan Kementerian Pengajian Tinggi.**

**11. Melihat juga kepada pencapaian kita pada tahun 2021, dengan peruntukkan keseluruhan sebanyak RM22,584,500.00, SPP berjaya menguruskan perbelanjaan dengan pencapaian sebanyak RM21,114,401.22 atau 93.4%. Bagi perbelanjaan tanpa emolumen, SPP berjaya menggunakan sebanyak 62.53% peruntukkan Tanggungan (T10) dengan baki sebanyak**

**RM366,180.74 dan 82.5% bagi peruntukkan Bekalan (B40) dengan baki sebanyak RM822,586.55.**

**12. Urusan perkhidmatan teras SPP juga diteruskan dengan cemerlang tahun lepas khususnya melalui Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *One-Off* . Pengambilan ini terbahagi kepada tiga fasa melibatkan seramai 16,906 calon dipanggil temu duga. Daripada jumlah itu, seramai 307 orang dilantik bagi keputusan Fasa 1 dan 6,109 orang dilantik melalui keputusan Fasa 2. Pelantikan bagi keputusan Fasa 3 melibatkan lebih kurang dua ribu orang akan diumumkan sedikit masa lagi. Rayuan Pengambilan Khas PPP DG41 Secara *One-Off* ini juga dilaksanakan tahun lalu. Ia dilaksanakan sepenuhnya oleh Urus Setia Cawangan Sarawak pada 13 hingga 15 Disember 2021 melibatkan 689 orang merangkumi lima belas opsyen. Keputusan bagi rayuan pengambilan ini dijangka diputuskan selepas keputusan Fasa 3 dikeluarkan bersekali dengan keputusan calon peraku bersyarat.**

**13. Urusan Pengambilan Khas ini dilihat sebagai cabaran baharu untuk SPP. Mana tidaknya kekosongan jawatan yang banyak dan tidak pernah diuruskan oleh SPP dalam tempoh masa yang singkat. SPP terpaksa menyelesaikan masalah kekosongan besar jawatan kritikal yang telah dihadapi oleh KPM selama 5 tahun semenjak 2016, dalam tempoh masa yang pendek terutamanya kekosongan di Sekolah Rendah dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang berjumlah hampir 8,000 orang yang sepatutnya diuruskan oleh KPM melalui Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Selain itu, jumlah permohonan yang tinggi mencapai 500,000 menyebabkan proses-proses pengambilan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.**

## **D : PERANCANGAN TAHUN 2022**

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

**14. Melangkah ke tahun 2022, dengan situasi pandemik yang semakin pulih diharap semua perancangan yang telah direncanakan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Berbekalkan peruntukan keseluruhan sebanyak**

**RM23,275,400.00, SPP komited melaksanakan perancangan dengan sebaiknya. Keutamaan akan diberikan kepada pelaksanaan perkhidmatan teras iaitu urusan temu duga bagi skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) selain program turun padang mendekati komuniti pendidikan Negeri dan daerah termasuk program naziran dan konsultasi.**

- 15. Takwin temu duga telah disusun sepanjang 2022 bermula dengan temu duga AKP yang akan berlangsung pada 14 Februari hingga 31 Mac 2022 melibatkan 3,735 calon secara bersemuka. Ia akan diikuti dengan temu duga PPP DG41 (sekolah menengah dan rendah) pada 4 April hingga 29 Julai 2022 melibatkan seramai 7,800 calon secara dalam talian. Pada 1 hingga 26 Ogos 2022, temu duga PPPT DH41 dan DH29 akan dilaksanakan melibatkan masing seramai 76 calon bagi DH41 dan 12 orang calon bagi DH29 secara bersemuka. Perancangan urusan temu duga terakhir bagi tahun 2022 akan dilaksanakan pada 5 September hingga 9 Disember 2022**

**bagi PPP DG41 (sekolah menengah) melibatkan 4,503 calon secara bersemuka.**

**16. Sesi libat urus Sesi libat urus dengan KPM, KPT dan agensi-agensi berkepentingan yang lain juga akan sentiasa diadakan sepanjang 2022 bagi memastikan urusan pengambilan berjalan lancar dan SPP dapat memenuhi keperluan agensi-agensi melalui pelantikan bakat terbaik ke dalam perkhidmatan Pendidikan. Taklimat persediaan kepada graduan tahun akhir ijazah pendidikan juga akan diteruskan bagi memastikan para graduan mendapat maklumat yang tepat berkaitan dengan urusan pengambilan dan pelantikan sebagai anggota perkhidmatan pendidikan seterusnya dapat mempersiapkan mereka menghadapi temu duga sepanjang tahun 2022.**

**17. Program turun padang seperti Program Bersepadu juga akan diteruskan pada tahun ini. Inisiatif ini bagi memastikan pelanggan dan pemegang taruh dapat berkomunikasi secara berkesan dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pendidikan negara. Tahun ini juga SPP**



**dijangka akan melancarkan Pelan Strategik 2022 – 2026, bagi memacu hala tuju SPP yang merangkumi visi, misi dan strategi terperinci untuk menjadi panduan Warga SPP dalam melaksanakan program yang telah dirancang sekaligus menjadikan SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik yang kekal relevan dalam tempoh lima tahun akan datang.**

## **E : PENUTUP**

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

- 18. Dalam pengenalan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) baru-baru ini, SPP kekal berperanan penting dalam menjadi pemangkin dasar dan pemacu perubahan dalam memperkukuh perkhidmatan awam di dalam inisiatif untuk menambah baik proses mengambil dan mengekalkan bakat iaitu mewujudkan gerbang tunggal untuk proses pengambilan bakat. Platform ini akan memadankan profil calon untuk membolehkan penempatan yang paling sesuai. Kaedah penilaian psikologi juga akan dipertingkatkan dengan memasukkan komponen penilaian integriti dan kompetensi untuk**

**semua skim perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar semua warga SPP bersama-sama berkerja untuk meneruskan perancangan Kerajaan dalam mentrasformasikan perkhidmatan awam agar lebih cekap dan berkesan serta memanfaatkan sumber sedia ada secara optimum secara amnya dan secara khususnya mencapai kecemerlangan agar kita dapat memastikan SPP terus kekal menjadi Badan Kuasa Melantik yang lebih Dinamik, Efektif dan Berintegriti.**

- 19. Sebelum saya mengakhiri amanat pada pagi ini, sukacita saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Tahun Baharu Cina kepada Warga SPP yang meraikannya pada 1 dan 2 Februari depan. Gunakanlah masa ini untuk memperkukuh dan menjalinkan hubungan antara keluarga yang lebih erat. Bagaimanapun, terus amalkan tiga S iaitu elak tempat sesak, sempit dan sembang dekat-dekat agar pandemik ini dapat terus dibendung. Dengan itu, Wabillahitaufik Walhidayah            Assalamualaikum            Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.**